

Mahathir enggan tunduk kepada Barat

Oleh Jamhariah Jaafar BH - 9 NOV 2000

PERDANA Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mungkin menduduki senarai teratas pemimpin Islam yang paling dibenci Barat sehingga mereka sanggup melakukan apa saja untuk memaksa pengunduran beliau. Tindakan terbaru melalui Dewan Perwakilan Amerika Syarikat turut dilihat mempunyai agenda tersembunyi terhadap seorang pemimpin Islam yangantang, berani dan tidak gentar dengan sebarang ancaman mereka.

Pengetua Kolej Islam London, Dr Zaki Badawi, yang kini berada di Malaysia berkata kebencian Barat terhadap Dr Mahathir begitu meluap-luap, terutama apabila formula ekonomi beliau yang bertentangan dengan penawar yang disarankan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia, terbukti lebih mujarab.

Katanya, terdapat dua perkara yang menjadikan Barat amat membenci Dr Mahathir - pertama kerana beliau tidak takut dan enggan tunduk kepada Barat dan kedua, berpegang tegas dengan pendiriannya tanpa menghiraukan sebarang kritikan atau kecaman yang dilempar kepadanya.

"Dr Mahathir langsung tidak gentar menghadapi Barat, malah bertindak balas sekiranya difikirkan ideanya lebih baik. Ini yang membuatkan dia tidak disukai oleh negara Barat, pemimpin Barat dan media Barat.

"Mereka benci kerana ada pemimpin dari dunia ketiga, sebuah negara kecil pula yang berani bersuara lantang dalam mempertahankan ideanya yang bertentangan dengan pendapat antarabangsa.

"Bagi mereka, pemimpin negara

kecil seperti Dr Mahathir sepatutnya hanya menerima idea dan pandangan mereka, bukannya menentang mereka," katanya dalam satu temu bual dengan Berita Harian selepas mengadakan ceramah dan dialog bertajuk 'Islam di Malaysia dari Perspektif Antarabangsa' anjuran Kerajaan Negeri Johor, baru-baru ini.

Dr Zaki berkata, keadaan menjadi getir buat Malaysia selepas krisis ekonomi 1997 disusuli krisis politik dalaman yang mengakibatkan hasrat beberapa kumpulan di Barat untuk meluaskan pengaruhnya di negara ini terbantut.

Agenda Barat selama ini, katanya, adalah jelas, iaitu menguasai ekonomi negara kecil dan lemah untuk keuntungan peribadi mereka.

"Selepas tidak boleh lagi menajah negara lemah dan kecil mela-

lui penaklukan, mereka mengubah taktik dengan memanipulasi idea globalisasi dan menyebarkannya ke negara dunia ketiga," katanya.

Krisis ekonomi yang melanda rantau ini dilihat Barat sebagai peluang terbaik untuk menguasai negara Ascan yang pernah dijulang sebagai 'Harimau Asia'. Mereka menawarkan bantuan melalui IMF dan Bank Dunia, kononnya untuk memulihkan ekonomi negara terbabit.

Malaysia bagaimanapun dikedam hebat kerana Dr Mahathir bukan saja enggan menerima bantuan mereka, malah membentuk formula pemulihan ekonomi sendiri.

"Disebabkan semua alasan itu dan ketegasan Perdana Menteri anda dalam melaksanakan pandangannya, dia amat dibenci oleh negara Barat, ahli politik Barat dan

media Barat," kata Dr Zaki.

Mengulas tindakan Kongres Amerika yang meminta kerajaan Malaysia mengadakan perbicaraan baru bagi bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, atau menggugurkan semua tuduhan terhadap Anwar, Dr Zaki berkata:

"Saya berpendapat Kongres Amerika dipenuhi orang gila dan ia adalah satu institusi yang tidak bermaruah. Mereka dikuasai pelobi, penuh dengan samseng dan yang menguasainya ialah pelobi bukan ahli Kongres. Saya tidak akan mengambil serius pandangan mereka."

Menurut Dr Zaki, apa yang berlaku sekarang ialah sesebuah negara itu tidak akan mempunyai

LIHAT MUKA 25

Barat benci pemimpin Islam berani, lantang

DARI MUKA 23

BH - 9 NOV 2000

musuh sekiranya ia adalah 'kawan' Amerika tetapi sekiranya ia dianggap 'musuh', Amerika sanggup melakukan apa saja untuk memusnahkan negara berkenaan.

"Hakikatnya ialah orang Amerika yang menguasai Kristian dan Yahudi memang benci Islam. Mereka begitu bencikan negara seperti Palestin dan negara Arab umumnya.

"Seorang pemimpin tertinggi Amerika pernah mengalirkan air mata apabila dua rakyat Israel terbunuh dalam pertempuran dengan Palestin baru-baru ini tetapi langsung tidak bersuara apabila 17 rakyat Palestin, termasuk kanak-kanak tidak berdosa, menjadi korban Israel," katanya.

Justeru, katanya, memang menjadi lumrah jika seseorang pemimpin Islam yang berani dan lantang seperti Dr Mahathir dibenci Barat, sebaliknya keadaan boleh menjadi berbahaya sekiranya ada pemimpin Islam yang menerima sokongan mereka.

Menurut Dr Zaki, sebabnya adalah mudah. Sekiranya pemimpin Islam yang menyokong mereka berjaya menjadi Perdana Menteri atau Presiden, Amerika akan menerima pelbagai faedah, terutama dari segi pelaburan dan peluang untuk mengukuhkan pengaruh mereka di negara terbabit.

"Amerika boleh menjadi sungguh komited sekiranya ada pemimpin, terutama dari negara kecil, yang meminta sokongan mereka. Apa yang berlaku ialah apabila Amerika mula menyokong seseorang pemimpin itu, mereka akan berusaha untuk menghancurkan lawan pemimpin berkenaan.

"Kerana itu semua pemimpin Islam perlu berhati-hati. Pada pendapat saya, mana-mana pemimpin Islam yang menerima sokongan Amerika atau cuba mendapat sokongan mereka adalah golongan yang amat berbahaya dan mereka tidak patut dibiarkan terus berkuasa. Anda dapat melihat ramai pemimpin yang disokong Amerika kebanyakannya dibenci oleh rakyat sendiri," katanya.

Mengulas lanjut mengenai kedudukan Dr Mahathir, Dr Zaki berkata di kala Barat amat membenci Perdana Menteri, negara-negara Islam, terutama dari dunia ketiga amat menyanjungnya berikutan kejayaan serta sikap tegas beliau.

Katanya, kekaguman terhadap Perdana Menteri semakin kukuh apabila mereka melihat sendiri kejayaannya mengubah wajah Malaysia daripada sebuah negara kurang maju sehingga menjadi pesaing serius untuk menyertai kumpulan negara maju.

Mengenai persepsi pembangkang bahawa Dr Mahathir gagal melahirkan sebuah negara Islam yang sebenar, Dr Zaki menegaskan sebenarnya tidak ada satu definisi yang tepat mengenai apa yang disebut sebagai negara Islam kecuali sesebuah negara adalah negara Islam apabila ia diketuai orang Islam dan diduduki orang Islam.

Justeru, katanya, sesiapa yang berani berkata negara seperti Malaysia yang majoriti rakyatnya ialah Islam, diketuai orang Islam dan memiliki segala kemudahan beribadat, sebagai sebuah negara bukan Islam, adalah golongan yang melakukan kesilapan paling

besar.

"Seperti sabda Nabi Muhammad saw: Jika kamu berkata saudara kamu kafir, maka salah seorang dari kamu adalah kafir. Maknanya ialah jika seorang Muslim menuduh seorang Muslim yang lain kafir, sekiranya dia memang betul kafir, maka ia tidak menjadi kesalahan. Tetapi jika yang dituduh itu memang Islam, maka yang menuduh itu pula boleh menjadi kafir."

Dr Zaki juga mengulas mengenai ulama yang turut membabitkan diri dalam politik dengan menasihatkan golongan terbabit supaya mengkaji semula kedudukan diri.

"Apa yang paling menyedihkan ialah apabila seorang ulama itu menjadi ahli politik kerana jika itu berlaku, dia tidak lagi sepenuhnya dapat bertindak sebagai ulama. Dan bila mereka (ulama) memasuki elemen ini, dia kena kaji kedudukannya dalam sikap yang rasional kerana kedudukannya sudah berubah," katanya.

Dr Zaki antara lain adalah Pengerusi Majlis Imam dan Masjid United Kingdom (UK); Pengerusi Majlis Undang-Undang Islam (Syariah) UK; ahli Majlis Tinggi Hal Ehwal Islam (Mesir); Ahli Majlis Dunia Untuk Seruan Islam (Libya). Beliau pernah menjadi pensyarah Universiti Malaya pada 1960-1964; Universiti al-Azhar dan Universiti Raja Abdul Aziz (Arab Saudi).
